



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:


- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 3 DISEMBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**



PENJIMATAN melalui penyasaran subsidi diesel penting bagi memastikan lebihan sumber dapat disalurkan ke dalam sektor kritikal lain. — GAMBAR HIASAN

Pelaksanaan penyasaran menerusi Budi Madani

Subsidi diesel, kerajaan jimat RM600j sebulan

Oleh NUR HUDA MUSA

PETALING JAYA – Kerajaan berjaya menjana penjimatan sebanyak RM600 juta sebulan melalui penyasaran subsidi diesel menerusi program Budi Madani bermula 10 Jun lalu.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata, penjimatan yang diperoleh kerajaan itu penting bagi memastikan terdapat lebih banyak sumber dapat disalurkan ke dalam sektor kritikal lain.

Menurutnya, ia secara tidak langsung akan meningkatkan kualiti hidup rakyat termasuk infrastruktur awam, penjagaan kesihatan dan pendidikan.

"Di samping itu, peruntukan bayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) bagi 2025 turut ditingkatkan berbanding peruntukan tahun 2024," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Mu-



hammad Fawwaz Mohamad Jan (**PN-Permatang Pauh**) berhubung penjimatan kerajaan daripada subsidi diesel yang telah ditarik.

Mengulas lanjut, Hui Ying berkata, di bawah program Budi Madani terdapat tiga sub-program utama iaitu Program MySubsidi Diesel melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0), Budi Individu dan Budi Agro-Komoditi.

"Di bawah SKDS 2.0, sebanyak 23 jenis kenderaan diesel pengangkutan barang darat yang menggunakan kaedah fleet card kekal menikmati harga pada kadar RM2.15 seliter.

"Selain itu, kerajaan juga menyediakan bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan atau RM2,400 setahun kepada pemilik kenderaan diesel persendirian, golongan petani dan pekebun kecil," jelasnya.

Selain itu, beliau berkata, sehingga 31 Oktober lalu, lebih 140,000 penerima Budi Individu dan 65,000 penerima Budi Agro-Komoditi telah diluluskan dalam tempoh lima bulan pelaksanaan sejak Jun 2024 dengan jumlah bantuan sebanyak RM160 juta.

"Selaras penyasaran semula subsidi diesel, kerajaan telah mengapungkan harga diesel tanpa subsidi di pam bagi minggu pertama bermula 10 Jun lalu kepada RM3.35 seliter berbanding RM2.15 seliter melalui kaedah apungan harga secara terkawal.

"Sehingga kini, kerajaan telah menurunkan harga diesel tanpa subsidi sebanyak 40 sen seliter menjadikan harga apungan semasa kini pada kadar RM2.95 seliter," katanya.

HARI: SELASA

TARIKH: 3/12/2024

M/SURAT: 10

Pembekal perlu segera keluar senarai harga baharu beras putih import - Ameer Ali

SHAH ALAM - Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Datuk Ameer Ali Mydin menggesa pembekal segera mengeluarkan senarai harga baharu beras putih import (BPI) susulan pengumuman penurunan harga barang tersebut.

Menurutnya, setakat ini pihaknya masih menunggu senarai harga daripada pembekal meskipun mereka telah sedia maklum mengenai perkara berkenaan.

"Kalau naik harga, cepat betul mereka

(pembekal) naikkan harga.

"Jadi sekarang sudah turun harga, kita harap mereka boleh cepatkan (proses) dan hantar barang sekarang.

"Pembekal belum menurunkan harga lagi. Kita minta pembekal (hantar senarai harga baharu)-sebab kementerian telah membuat pengumuman dan ia berkuat kuasa pada 1 Disember," katanya.

Sehubungan itu, Ameer berharap kerajaan melalui Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) dapat memberi tekanan kepada pembekal supaya segera menurunkan harga BPI.

"Pembekal ini kalau boleh mereka akan melambat-lambatkan (penurunan harga).

"Sebab mereka akan beri alasan sama iaitu ada banyak stok bekalan, harga kos yang mahal. Itu alasan biasa," ujarnya.



AMEER ALI



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 3 DISEMBER 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
3-Dec	AEON BiG sokong Kempen Beli Barang Malaysia	https://www.utusan.com.my/pilihan-utusan/2024/12/aeon-big-sokong-kempen-beli-barangan-malaysia/	UTUSAN MALAYSIA
3-Dec	AEON BiG lancar Kempen Beli Barang Malaysia 2024	https://www.kosmo.com.my/2024/12/02/aeon-big-lancar-kempen-beli-barangan-malaysia-2024/	KOSMO
3-Dec	KPDN lancar Ops Kesan 3.0 di Sandakan pantau, banteras aktiviti pencatutan	https://www.dailyexpress.com.my/news/247352/kpdn-lancar-ops-kesan-3-0-di-sandakan-pantau-banteras-aktiviti-pencatutan/	DAILY EXPRESS
3-Dec	Ops Kesan 3.0 bermula sejajar pelaksanaan SSPA	https://malaysiagazette.com/2024/12/02/ops-kesan-3-0-bermula-sejajar-pelaksanaan-sspa/	MALAYSIA GAZETTE